

28/02/2004

Detik menghitung pilihan raya bermula

Kadir Dikoh

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi amat berhati-hati dalam setiap kenyataannya mengenai pilihan raya dan tidak mudah bagi wartawan untuk mendapat clue meskipun Perdana Menteri diumpun dengan soalan berbentuk 'perangkap' pada setiap sidang medianya sejak kebelakangan ini.

Tetapi apabila Pak Lah memanggil beberapa pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) dan Menteri Besar serta Ketua Menteri ke Putrajaya kelmarin, detik menghitung hari ke arah pilihan raya umum ke-11 sudah bermula. Maknanya Parlimen akan dibubar bila-bila masa.

Pembatalan kehadirannya di Sidang Kemuncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G-15) di Caracas, Venezuela yang bermula hari ini, mengesahkan lagi spekulasi yang sudah tersebar luas sejak dua minggu lalu.

Senario ini bagaikan menyamai tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad pada 9 November 1999 apabila membatalkan kehadirannya pada Persidangan Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Durban, Afrika Selatan, iaitu kurang 24 jam sebelum mengumumkan pembubaran Parlimen.

Dengan itu, dua lokasi menjadi tumpuan wartawan sejak beberapa hari lalu iaitu Istana Negara di Kuala Lumpur dan pekarangan pejabat Perdana Menteri di Putrajaya.

Pertemuan Abdullah dengan pemimpin parti komponen dan sebahagian besar Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri di Putrajaya kelmarin turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan BN dan Setiausaha Agung BN, Tan Sri Khalil Yaakob.

Lebih menarik ialah kenyataan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik ketika ditemui wartawan selepas menemui Pak Lah di Putrajaya itu.

Dr Lim berkata, berdasarkan pengalamannya, pembubaran Parlimen berlaku seminggu atau 10 hari selepas pengagihan kerusi di kalangan parti komponen dimuktamadkan.

Jika kenyataan Dr Lim boleh diambil kira, apakah Parlimen hanya dibubarkan pada minggu pertama Mac ini? Ada yang meramalkan ia dibubar Jumaat depan iaitu 5 Mac. Bagaimanapun, soal pemilihan calon masih boleh dibincangkan selepas Parlimen dibubar kerana penamaan calon biasanya dilakukan seminggu kemudian.

Sebahagian lagi ketua parti komponen termasuk beberapa Ketua Menteri dan Menteri Besar dijangka dipanggil ke Putrajaya sebelum akhir minggu ini.

Perjumpaan itu dilihat antara persiapan akhir BN sebelum Pak Lah yang juga Pengerusi BN membubarkan Parlimen bagi membolehkan pilihan raya umum termasuk bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah, yang tamat tempohnya 12 April ini, diadakan serentak.

Bukan mudah mengagihkan kerusi kerana sebagai Perdana Menteri, Pak Lah pasti mengambil kira pelbagai faktor meskipun ada pemimpin parti komponen meminta pada kadar jumlah 'tidak masuk akal'.

Di Sabah dikatakan banyak permintaan kerusi di kalangan parti komponen berlaku pertindihan. Mungkin sebab ini, Ketua Menteri, Datuk Musa Aman sudah dua kali dipanggil Pak Lah iaitu yang terakhir petang kelmarin dan terawal pagi semalam.

Akhirnya, Pak Lah akan membuat keputusan muktamad dan keputusan itu harus diterima dengan hati terbuka oleh pemimpin serta penyokong parti komponen.

Isnin ini Pak Lah melawat Kedah sehari suntuk dan sumber berkata, kunjungannya ke negeri jelapang padi itu bukan sebagai Perdana Menteri

dalam kerajaan sementara. Maksudnya, Parlimen belum dibubarkan lagi pada Isnin ini.

Namun, pembantu Pak Lah berkata, diari Perdana Menteri masih kosong pada 4 dan 5 Mac (Khamis dan Jumaat depan). Mungkin sesuatu akan berlaku ketika itu termasuk kemungkinan Pak Lah menghadap Yang di-Pertuan Agong bagi mendapat perkenan pembubaran Parlimen.

Bagaimanapun, sumber Istana Negara pula memberitahu belum ada temu janji diterima daripada pejabat Perdana Menteri untuk Abdullah menghadap Yang di-Pertuan Agong bagi mendapat perkenan pembubaran Parlimen.

"Tidak jadi masalah untuk menghadap walaupun dengan notis singkat selagi Seri Paduka perkenan termasuk di luar waktu pejabat. Pertemuan itu boleh diadakan sama ada di Istana Negara atau di Istana di Perlis, jika Yang di-Pertuan Agong kebetulan berada di Kangar," kata sumber itu.

Pak Lah meneruskan kunjungan selepas Kedah iaitu ke Butterworth pada 6 Mac (Sabtu), Melaka pada 7 Mac (Ahad) dan Selangor 9 Mac (Selasa).

Sumber berkata, Pak Lah hanya membubarkan Parlimen selepas segala-galanya selesai terutama dari segi pengagihan kerusi untuk ditandingi 13 parti komponen BN dan senarai calon.

Cuti persekolahan bermula 13 hingga 21 Mac dan kemungkinan hari penamaan calon dan pengundian diadakan dalam tempoh itu.

Parti pembangkang Pas, DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) juga sudah bersiap sedia dalam keadaan gabungan kerjasama mereka kali ini agak longgar yang bakal menyaksikan pertembungan sesama sendiri di beberapa kerusi.

Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock, berkata pihaknya juga bersedia untuk menghadapi pilihan raya tetapi enggan memberitahu jumlah kerusi yang akan ditandingi.

Naib Presiden Keadilan, Dr Xavier Jeyakumar pula berkata parti itu bertanding di 71 kerusi Parlimen dan 133 kerusi DUN dan kini dalam persiapan peringkat terakhir menghadapi pilihan raya.

Namun, katanya, berlaku pertindihan di beberapa kawasan untuk ditandingi parti itu dan DAP terutama di Perak dan Pulau Pinang.

Pas yang dilihat sebagai lawan sebenar BN pada pilihan raya kali ini juga bersedia dengan memperhebatkan kempen termasuk di Kedah. Pada pilihan raya lalu, Pas bertanding di 62 kerusi Parlimen dan menang 27 daripadanya. Bagi kerusi DUN, Pas memenangi 98 kerusi daripada 234 yang ditandingi.